



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 24

RABU 18, DESEMBER, 1963.

دابو 2 شعبان، 1383

PERCHUMA

D.Y.M.M. MERASMIKAN

Pembukaan Persidangan Belanjawan Majlis Meshuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI.—Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang sentiasa mengutamakan kemajuan ekonomi Negeri Brunei serta sumber-sumbernya dan ini adalah satu perkara yang sentiasa dan tidak berputus-putus akan mendapat tumpuan. Demikian titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

Baginda telah melafazkan titah tersebut dari Singgahsana Baginda di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei ketika Baginda merasmikan pembukaan Persidangan Ke-tiga dari Musim Permasuhanan Yang Keempat (Belanjawan), Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada hari Isnin 16 Desember, 1963.

Telebih dahulu Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memereksa satu Barisan Kehormatan terdiri dari anggota2 Pasukan Pulis Negeri Brunei di-luar bangunan Dewan Kemasyarakatan.

Kemudian Baginda telah disambut dan di-alu2kan oleh Dato Speaker, Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pelan Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dan di-perkenan kepada Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan.

Sa-lepas berehat Baginda telah berangkat masuk ka-Dewan tersebut serta di-iringi oleh Peraraikan dan menduduki Singgahsana Baginda untuk melafazkan titah Baginda.

Titah Baginda dengan sa-penohnya ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

"Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat Sekalian. Beberapa bulan yang lampau Beta telah berpeluang beruchap pada tuan2 di-Meshuarat yang pertama dari musim Permasuhanan Keempat bagi Majlis Meshuarat Negeri dan Beta sukachita mendapat tahu bahawa dari semenjak waktu itu tuan2 sekalian telah menjalankan tanggongan2 penting yang telah di-bebankan ka-atas diri tuan2 untuk kepentingan dan kebajikan negeri ini.

Beta dengan sukachita telah memberi persetujuan Beta kepada tiga Rang Undang2 yang sangat mustahak yang telah diluluskan oleh Majlis Meshuarat Negeri.


Undang2 yang Beta maksudkan itu ia-lah Undang2 Mahkamah Besar dan dua Undang2

yang besar kapada sekalian raya Betta.

Kerajaan Beta senantiasa mengutamakan kemajuan ekonomi negeri ini serta sumber-sumbernya dan ini-lah satu perkara yang senantiasa dan tidak berputus-putus akan mendapat tumpuan.

(Bersambong Di-Muka 4)

Mengenai Melombong Minyak. Beta yakin bahawa Undang2 ini akan memberikan munafa-



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sedang mempereksakan Perbarisan Kehormatan terdiri dari anggota2 Pasukan Pulis Brunei pada masa ketibaan Baginda untuk merasmikan pembukaan Persidangan Belanjawan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada hari Isnin 16 Desember, 1963.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan pada masa Baginda masuk ka-Dewan Kemasyarakatan untuk merasmikan pembukaan Persidangan Belanjawan Majlis Meshuarat Negeri Brunei. Di-belakang Baginda ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris yang baharu di-Brunei, Yang Terutama Inche E.O. Laird.

Istiadat Berkhatan Dan Bertindek Puteri2 D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI.—Istiadat Berkhatan dan Bertindek bagi Puteri2 kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri akan di-adakan pada 25 dan 26 Desember, 1963.

Satu Jawatan Kuasa Kerja untuk menguruskan istiadat tersebut telah dibentuk dalam satu meshuarat yang telah di-adakan di-Balai Pemanjangan, Istana Darul Hana pada 11 Desember.

Beberapa Jawatan Kuasa yang lain akan di-bentuk untuk mengadakan temasya2 bagi mera'ikan istiadat tersebut seperti Peraduan Membacha Al-Koran, Peraduan Panchak Silat, Ronggeng dan lain2 achara.

Sementara itu Istiadat Gendang Jaga2 akan dimulai pada hari ini dan akan di-teruskan hingga ka-akhir bulan ini.

MAJLIS MESHUARAT NEGERI JUNJONG TITAH BAGINDA

BANDAR BRUNEI—Majlis Meshuarat Negeri Brunei, dalam persidangan-nya pada 16 Desember, 1963, telah bersetuju dan meluluskan satu usul menguchapkan sa-penoh2 terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di atas keberangkatan Baginda ka-Majlis itu pada hari tersebut dan di atas titah Baginda, Majlis itu menjunjong dengan sa-penoh2-nya.

Usul tersebut telah di-chadangkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, disokong oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarul Zaman serta Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan di-persetuju dengan sa-bulat suara.

Chang Seok Heong Di-Penjarakan Selama 5 Tahun

KUALA BELAIT. — Sa-orang perempuan China, Chang Seok Heong nama2 gelaran-nya Chan Pai Tze, dan Chen Sze Chiang, berumur 28 tahun telah di-jatohkan hukuman penjara selama 5 tahun oleh Majistret Kelas Satu Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam satu pembicharaan yang telah di-adakan di-Kuala Belait pada 10 Desember sa-lepas perempuan China itu di-dapat salah kerana menyimpan surat2 "dokumen sabversiv".

Chang, sa-orang pemotong baju dan bekas pengator huruf di-sa-buah perchetakan tempatan, telah di-tangkap di-Bandar Brunei bersama2 dengan empat orang lelaki China dalam satu gerakan pulis terhadap anasir2 gerakan bawah tanah di-Negeri Brunei pada suboh 11 November, 1963.

Penguasa Pulis Stephen Liew yang telah menyelongkar bilek Chang di-Seria berkata bahawa ia telah menjumpai beberapa surat dalam Bahasa China dalam sa-buah lachi di-bawah katil dan di-beberapa tempat yang tersembunyi dalam bilek Chang.

Pada masa itu Penguasa Pulis Stephen Liew berkata bahawa beliau telah menjumpai tiga surat dokumen tersembunyi dalam po-ket plastik sa-buah buku yang berada dalam sa-buah lachi di-bilek tersebut.

Chang telah memberikan keterangan dengan mengangkat sum-pah.

Ia telah menafikan bahawa ia tahu mengenai surat2 dokumen itu dan juga ia telah menafikan bahawa ia mempunyai chukup pelajaran dalam Bahasa China pada masa ia di-minta menerangkan mengenai salah satu dari surat2 dokumen itu.

Timbalan Penda'awa Raya Inche Ram Kishan yang telah menjalankan penda'awaan itu telah menyatakan bahawa surat2 dokumen tersebut sangat-lah mara-baya kapada keselamatan ne-gara dan dari jenis sabversiv yang besar pengaroh-nya.

Inche Ram Kishan telah mem-bacha kapada Mahkamah satu terjemahan dari salah satu surat2 dokumen yang telah di-rampas-kan dari perempuan China tersebut, berjodol "Bahan2 untuk pro-paganda".

Surat2 dokumen itu telah me-nyebut berkenaan dengan pen-derhakaan yang gagal dalam ta-hun 1962.

Pemangku Pengarah S. R. P. B. Menafikan Berita2 Falsu

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir telah menafikan bahawa rancharan mengadakan perkhidmatan gelombang pendek bagi siaran Radio Brunei terhalang di-sebabkan kekurangan jurutera2 dan juru2 teknik.

Beliau telah mengulas berita2 yang telah di-siarkan oleh bebe-rapa buah akbar bahawa rancharan mengadakan perkhidmatan gelombang pendek itu ter-paksa di-tanggohkan di-sebabkan kekurangan jurutera2 dan juru2 teknik yang mahir.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir menerangkan bahawa perkhidmatan yang baharu itu di-jadualkan berjalan pada penghujung tahun ini.

Selamat Belayar Dato MacKintosh



Pengakap2 di-Daerah Brunei telah mengadakan satu perjumpaan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada pagi 6 Desember, 1963 untuk menguchapkan "Selamat Berpisah" kapada Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Dato Seri Utama A.M. MacKintosh yang juga menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei. Dalam gambar ini kelihan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un yang juga menjadi Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri Bt sedang menyampaikan sa-buah chenderama yang di-hadiahkan oleh Pen-akap2 di-seluroh Negeri Brunei kepada bekas Ketua Pengakap tersebut.

PERADUAN MEMBACHA KORAN KEJOHANAN DAERAH BRUNEI/MUARA

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Koran Kejohanan Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei pada 11 dan 12 January, 1964 mulai pada pukul 8.30 pagi tiap2 hari itu.

Keputusan tersebut telah di-chapai dalam Meshuarat Jawatan Kuasa Peraduan Membacha Al-Koran Daerah Brunei dan Muara di-Mahkamah Shara'iah, Brunei pada 7 Desember.

Menurut keterangan Setia Usa-ha peraduan tersebut, Inche Abdul Salam, peraduan itu ada-lah terbuka kapada umat Islam yang di-lahirkan di-Negeri Brunei atau yang telah menjadi ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Peraduan tersebut ada-lah di-bahagikan kapada empat bahagian, i a - i t u Bahagian Kanak2 Lelaki yang berumur 16 tahun ka-bawah, Bahagian Kanak2 Perempuan yang berumur 14 tahun ka-bawah, Ba-hagian Lelaki Dewasa yang berumur 16 tahun ka-atas dan Bahagian Perempuan Dewasa yang berumur 14 tahun ka-atas.

Empat orang chalun dari tiap2 bahagian tersebut akan di-pilih untuk mewakili Da-e-

rah Brunei dan Muara ka-Peraduan Membacha Al-Koran Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada 18 January, 1964.

Umat Islam yang berhajat hendak memasuki peraduan Ba-chaan Al-Koran sa-bagaimana yang tersebut di-minta mendaf-tarkan nama2 mereka kapada sa-lah sa-orang yang di-sebutkan ini:

1. Chegu Awang Junid bin Jamudin, Sekolah Melayu Lela Menchanai Kampong Ayer, Brunei.
2. Inche Ahmad bin Arshad, Radio Brunei.
3. Chegu Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.
4. Inche Abdul Salam bin Abdul Razak, Pejabat Kadhi Besar, Brunei.
5. Awang Hasbi bin Khatib Abdullah, Pe-jabat Tanah, Brunei.
6. Tuan Imam Masjid Muara.
7. Tuan Imam Masjid Batu Marang atau pun kapada semua Imam2 Mas-jid dan Guru2 Besar Sekolah

Ugama di-Daerah Brunei dan Muara.

Permohonan masok bertanding akan di-tutop pada pukul 3 pe-tang 28 Desember.

Penerima2 borang2 permoho-nan ada-lah di-minta menyampaikan borang2 permohonan itu de-nan sa-chepat mungkin kapada Setia Usaha peraduan tersebut di-Pejabat Kadhi Besar, Brunei ti-dak lewat dari pukul 10 pagi 30 Desember.

PEPEREKAAN BAHASA INGGERIS

BANDAR BRUNEI. — Sera-mai 896 orang murid2 yang ber-umur ka-bawah 12 tahun dari Sekolah2 Melayu dan China di-seluroh Negeri Brunei telah mengambil pepereksaan2 ujian untuk belajar di-Sekolah2 Ingge-ris kepunya-an Kerajaan Brunei pada tahun 1964.

Pepercayaan2 itu telah di-adakan pada 7 Desember di-lima buah pusat, ia-itu Sekolah Me-laysu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei; Sekolah Melayu Muda Hashim, Daerah Tutong; Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Murid2 yang telah mengambil pepercayaan ujian tersebut me-ngandungi 506 orang lelaki dan 390 orang perempuan.

Lima ratus delapan orang murid2 tersebut ia-lah dari Daerah Brunei, 104 orang dari Daerah Tutong, 266 orang dari Daerah Belait dan 18 orang dari Daerah Temburong.

MESHUARAT LEMBAGA GABNOR2 RUMAH ORANG2 TUA DI-SERIA

SERIA. — Lembaga Gabnor2 Rumah Orang2 Tua Seria mengucapkan terima kaseh kapada Inche A.W. Harmer dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria yang telah mendermakan wang sa-banyak \$1,000 kapada Rumah Orang2 Tua itu.

Lembaga tersebut juga mengucapkan terima kaseh kapada Pasukan Pulis Malaysia yang telah mendermakan wang sa-banyak \$60 kapada Rumah Orang2 Tua tersebut.

Perkara tersebut telah di-bentangkan dalam Meshuarat Lembaga Gabnor2 Rumah Orang2 Tua, Seria yang telah di-adakan di-rumah itu pada pertengahan bulan November yang lalu.

Pengurusi lembaga tersebut, Inche P. A. Coates telah memimpin majlis tersebut, manakala Ahli2 lembaga itu yang telah hadir dalam meshuarat tersebut ia-lah Pengiran Syed Shahminan dan Pengiran Syed Mashor, Padri L. J. Barry, Inche Shim Wei Khong, Tuan Syed Mashor, Inche Bohari bin Ali (Bendahari) dan Inche V. Abdul Salam (Setia Usaha dan Penjaga Rumah Orang2 Tua, Seria).

WAKIL2 BRUNEI MENGHADIRI PERSIDANGAN ECAFE DI-MANILA

BERAKAS. — Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah kembali ka-Brunei dari Manila dengan kapal terbang pada 9 Desember sa-lepas menghadiri Persidangan Menteri2 Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE) selama empat hari.

Beliau telah menghadiri persidangan tersebut bersama2 dengan Pengawal Kastam dan Bea geri Brunei, Yang Berhormat Inche Othman Chua Kwang Soon dan Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu kapada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof berkata pada masa beliau kembali ka-Brunei dari Manila bahawa persidangan tersebut telah mencapai kejayaan yang besar dalam bidang perekonomian.

Projek2 yang telah di-persetujui dalam persidangan tersebut jika di-jalankan, kata beliau, akan membawa faedah2 yang besar kepada negara2 yang berada dalam lengkongan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh.

Di-antara projek2 yang mustahak itu, tegas beliau, ia-lah berkenaan dengan kemudahan2 bagi memajukan keadaan2 keinderaan2 perkapan dan keinderaan2 darat.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof berkata lagi bahawa kebanyakan wakil2 dari 20 negeri2 yang lain yang menghadiri persidangan tersebut sangat-lah gemar hendak memberikan pertolongan ka-

Di-antara lain2 perkara yang telah di-bentangkan dan di-luluskan di-persidangan tersebut ia-lah:

PENDUDOK BAHRU

Lembaga tersebut telah mempersetujui supaya dua orang tua lagi di-benarkan tinggal di-Rumah Orang2 Tua itu.

Mereka ia-lah Lee Pak, sa-orang tua lelaki dan Lee Ab Nghee, sa-orang tua perempuan.

MEMBUAT BAKUL

Orang2 yang tinggal di-Rumah Orang2 Tua itu telah membuat bakul2 rotan dengan mendapat pertolongan daripada Puan Chiew dari Maktab Anthony Abell, Seria.

Bakul2 itu akan di-jual kepada kedai2 di-Seria dan di-Kuala Belait serta juga kapada orang2 yang akan melawat ka-Rumah Orang2 Tua tersebut pada masa di-adakan perayaan menyambut

Hari Krismas, Tahun Baharu China dan pada lain2 masa kelak.

BERKEBUN SAYOR

Pendudok2 Rumah Orang2 Tua tersebut telah juga membuat kebun sayor.

Kebun sayor itu sekarang ini subor dan banyak jenis sayor2an di-tanam di-kebun itu dengan bantuan beberapa orang Pengakap.

Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Yang Berhormat Doktor P. I. Franks telah melawat ka-Rumah Orang2 Tua tersebut baru2 ini.

MENDAPAT RAWATAN

Dengan pertolongan Doktor Franks, sa-orang Pegawai dari Klinik Seria telah melawat ka-Rumah Orang2 Tua itu pada tiap2 hari Sabtu untuk mengubati pendudok2 rumah tersebut yang sakit.

Pendudok2 rumah tersebut telah juga di-berikan tablet vitamin 'B' pada tiap2 hari.

MENIKMATI JAMUAN

Persidangan itu telah di-beri tahu oleh Penjaga dan Setia Usaha, Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua, Seria, Inche V. Abdul Salam bahawa pendudok2 rumah itu telah mengadakan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seria Baginda Maulana Al-Sultan.

Mereka telah di-beri jamuan yang istimewa oleh pehak yang berkenaan.

MENONTON FILM

Pendudok2 Rumah Orang2 Tua tersebut telah menyaksikan pertunjukan2 wayang gambar di-tempat kediaman mereka.

Wayang2 gambar itu telah ditayangkan dengan ehsan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Kerajaan Brunei; Perkhidmatan Film, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria dan Maktab Anthony Abell, Seria.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18 Desember hingga ka-hari Selasa 31 Desember, 1963 ada-lah seperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Magrib	Isha
18	4.47	5.02	12.27	3.46	6.19	7.32
19	4.48	5.03	12.28	3.49	6.20	7.33
20	4.48	5.03	12.28	3.49	6.20	7.33
21	4.49	5.04	12.29	3.48	6.20	7.33
22	4.49	5.04	12.29	3.48	6.20	7.33
23	5.05	4.50	12.30	3.49	6.21	7.34
24	5.05	4.50	12.30	3.49	6.21	7.34
25	4.51	5.06	12.31	3.50	6.22	7.35
26	4.51	5.06	12.31	3.50	6.22	7.35
27	4.51	5.06	12.31	3.50	6.22	7.35
28	4.52	5.07	12.32	3.51	6.23	7.36
29	4.52	5.07	12.32	3.51	6.23	7.36
30	4.53	5.08	12.32	3.51	6.23	7.36
31	4.53	5.08	12.32	3.51	6.24	7.37

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-Seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.40 tengah hari.

Pengurusi Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua tersebut, Inche P. A. Coates telah memalokan kapada para hadhirin di-majlis itu bahawa Pasukan Tentera di-Bandar Brunei telah menghadiahkan beberapa barang2 makanan saperti mentiga, jam, tepung gandom dan lain2nya kapada rumah tersebut satelah pehak yang berkuasa rumah itu membuat rayuan kapada Pasukan Tentera itu.

TERIMA KASEH

Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua itu, kata Inche Coates, sangat-lah menghargai budi baik pehak Tentera di-Bandar Brunei.

Setia Usaha lembaga itu telah di-minta menghantarkan sa-puchok surat kapada Pasukan Tentera di-Bandar Brunei dan mengucapkan terima kaseh terhadap hadiah yang telah di-berikan oleh pasukan itu kapada pendudok2 Rumah Orang2 Tua yang termalom.

Guru2 Pengakap Brunei Ka-K. L.

BERAKAS. — Dua orang Guru2 Pengakap Brunei telah berlepas dari sini ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 10 Desember untuk mengambil bahagian dalam satu kursus Jurulateh Pengakap.

Guru2 Pengakap tersebut ia-lah Guru Pengakap Yahya bin Mohamed Yusof dari Pasukan Asrama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei Ketujoh dan Guru Pengakap Abdul Jalil bin Abdul Rahman dari Pasukan Pengakap Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Brunei Pertama.

Kursus tersebut telah di-adakan di-Kuala Lumpur selama lima hari mulai dari 11 Decem-ber.

Menurut keterangan sa-orang Juruchakap Persatuan Pengakap tempatan, tujuan menghantarkan Guru2 Pengakap tersebut untuk menghadiri Kursus Jurulateh Pengakap itu ia-lah supaya membolehkan mereka menubuhkan satu pasukan pelateh untuk melatih Pengakap2 tempatan.

Beliau menerangkan bahawa ini-lah kali yang pertama Guru2 Pengakap dari Negeri Brunei di-hantar ka-Kuala Lumpur untuk mengambil bahagian dalam Kursus Jurulateh Pengakap.

Maka dengan mempunyai pengalaman ketika menghadiri kursus tersebut, beliau berharap sa-moga Guru2 Pengakap itu akan dapat memberikan pertolongan yang besar kapada Pergerakan Pengakap tempatan dalam usaha untuk melatihkan Pengakap2 di-Brunei pada masa hadapan kelak.

TITAH D.Y.M.M. DI-MAJLIS PEMBUKAAN PERSIDANGAN BELANJAWAN

MAJLIS MESHUARAT NEGERI

(Dari Muka 1)

Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan Beta untuk mengkaji dengan sa-habis2 teliti tiap2 projek yang akan memberi kebaikan kapada raya'at2 Beta dan Ahli2 Yang Berhormat di-beri keyakinan bahawa segala yang dapat akan di-lakukan bagi menyelanggarakan ranchangan2 ini.

Barang tidak hairan, ini bukan-lah satu tugas yang mudah oleh kerana banyak masalah yang terpaksu di-hadapi mengenai kaki-tangan2 "Teknikal" dan "Professional", Alat2 Perkakas dan sa-bagai-nya, dan oleh yang demikian perlaksanaan-nya tidaklah dapat di-lakukan dengan di-iang pada se kejap mata sahaja.

Akan tetapi Insha Allah kita mempunyai segala harapan bahawa Kemajuan yang terus menerus akan di-buat bagi melaksanakan ranchangan2 kemajuan itu.

Tatkala Beta beruchap pada tuan2 pada permulaan pertengahan tahun ini, Beta telah memberi sesuatu jaminan bahawa Kerajaan Beta berchadang untuk mengkaji perjalanan Undang2 Taraf Kebangsaan.

Ini telah pun di-lakukan dan Kerajaan Beta telah pun membuat peratoran2 baharu mengenai Lembaga Bahasa yang di-sifatkan semata2 untuk menyegearkan Pengurniaan Taraf Kebangsaan kepada orang yang benar2 menunjukkan kechenderungan yang tulus ikhlas kepada kepentingan2 negeri ini.

Dari semenjak uchapan Beta yang akhir kepada tuan2 pada masa yang lalu, Persekutuan Malaysia yang baharu telah pun ditubohkan dan hasrat perasaan baik Beta dan begitu jua Kerajaan Beta terhadap Malaysia telah di-dzahirkan dengan adanya wakil2 dari Brunei yang telah mengambil bahagian dalam Upachara2 Rasmi bukan sahaja di-Ibu Kota Persekutuan itu bahkan juga di-Singapura, Sabah dan Sarawak.

Sekali lagi Beta suka-chita un-

Perkhemahan Pengakap

KAMPONG GADONG. — Kira2 500 orang Pengakap2 dari seluruh Negeri Brunei telah mengadakan satu temasha perkhemahan yang meriah di-Perkhemahan Pengakap2 di-Kampong Gadong selama tiga hari mulai dari hari Juma'at yang lalu.

Satu upacara menyampaikan hadiah2 kapada pengakap2 dan pasokan2 pengakap yang berjaya dalam berbagai2 lapangan telah di-adakan di-temasha tersebut pada petang hari Ahad.

Hadiyah2 itu telah di-sampaikan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, yang juga menjadi Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri Brunei.

tuk menyatakan keshukuran pada mengucapkan terima kasih Beta kepada Pegawai2 yang dipinjamkan oleh Kerajaan Malaysia yang terus menerus memberi perkhidmatan mereka kepada Brunei.

Kerajaan Beta benar2 penoh menyedari bahawa dengan penuhbohan Malaysia itu dan dengan sebab bertambah2 akibah kegiatan Kerajaan-nya itu, maka harus tidak boleh bagi Pegawai2 tersebut akan di-peruntukkan dari mengabaikan tugas2 Malaysia mereka di-masa2 yang akan datang.

Dari itu akan menjadi perlu untuk menchari bantuan kaki-tangan yang mahir dan berkelayakan dari negeri2 lain dan ini bukan-lah sa-jenis langkah pada mengurangkan uchapan terima kasih Beta kepada Pegawai2 Malaysia kerana kerja2 yang mereka telah lakukan itu.

Sa-belum itu, tadi Beta telah

menggaskan peri mustahak-nya kemajuan ekonomi tetapi ini ti-dah bererti bahawa Kerajaan Beta tidak juga menyedari tentang kehendak bagi Kemajuan Perlembagaan.

Sesunggoh-nya, kedua2 soalan ini mesti-lah di-usahakan serentak kerana Kemajuan di-dalam sesuatu lapangan dengan ketida-an ada-nya Kemajuan di-apangan yang lain pula akan hanya mendatangkan sadikit faedah mutu-nya.

Oleh itu, hasrat Kerajaan Beta ia-lah untuk mengambil tindakan2 yang selanjutnya terhadap perkembangan Perlembagaan dan di-masa yang tidak beberapa la-ma lagi. Undang2 akan di-hadapkan kepada tuan2 mengenai perkara ini.

Anggaran Belanjawan yang akan di-kemukakan kepada tuan2 menunjukkan bagi meluaskan perkembangan ekonomi negeri ini.

Ada-lah di-ramalkan bahawa dalam tahun 1964, maka akan dapat-lah di-adakan wang untuk membiasai satu ranchangan Ke-majuan besar yang di-perolehi semata2 dari hasil yang ada se-karang.

Sunggoh pun, sebagaimana yang Ahli2 Yang Berhormat sedar, hasil yang ada masa ini te-lah sa-makin berkurangan dalam beberapa tahun yang lampau, ki-ta ada mempunyai wang simpanan yang chukop untuk mem-biasai segala ranchangan Kemajuan di-samping ada harapan da-ri bayangan bukti yang nyata yang telaga2 Minyak baru mungkin di-jumpai lagi.

Akhir-nya, Beta mengucapkan moga2 keputusan2 yang di-buat oleh tuan2 akan mendapat segala kejayaan dan bahawa keputusan2 itu mungkin mendata ngan kebaikan kapada keada-ra'ayat Beta yang menjadi tujuan Beta, dan juga tuan2 sekalian se-laku Ahli2 Yang Berhormat."

Hajat Ulama Dari India Hendak Melawat Brunei

Di-Izinkan Oleh Allah

BANDAR BRUNEI. — "Sa-sunggoh-nya saya berchita2 hendiak menziarahi negara tuan2 yang mulia ini semenjak beberapa ta-hun yang sudah. Akan tetapi belum lagi di-izinkan oleh Allah me-lainkan pada ketika ini. Saya bershukor kapada Allah Subhanahu Wata'alá kerana telah sampai hajat saya dan pula saya dapat tuan2 sekalian di-dalam keadaan aman, sehat dan penoh kegembiraan dengan nikmat2 yang Allah kurniakan kapada tuan2, yang mana nikmat yang maha besar ia-lah tuan2 mempunyai Sultan yang amat kasih sayang dan 'adil memerintah dan memelihara kebahagiaan tuan2'. Demikian kata Maulana Al-Haj Mohamed Meenan Ansari, Mahaguru Maktab Bahasa Arab, Al-Bakiat Al Salihat, Madras, India Selatan ketika beliau beruchap melalui Radio Brunei pada malam 21 November, 1963.

Ulama dari India Selatan itu telah menasehatkan kapada umat Islam supaya mengajar anak2 mereka Bahasa Arab, ia-itulughat Al-Koran supaya dengan hal itu dapat-lah kita memahami perentah2 Allah yang penoh.

Beliau telah beruchap dalam Bahasa Arab dan uchapan-nya itu telah di-terjemahkan ka-dalam

Bahasa Melayu oleh Uztaz Abdul Latiff bin Haji Hashim dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei.


Dalam uchapan-nya itu, Maulana Al-Haj Mohamed Meenan Ansari berkata bahawa beliau tumpang merasa sukachita atas kebahagiaan umat Islam di-Negeri Brunei kerana telah beriman

dan bertakwa kapada Allah dan dzahir-lah kapada beliau bahawa bagaimana mulia-nya akhlak Islam di-negeri ini dan sa-moga berkekal-lah mereka dengan keadaan yang sa-demikian.

"Saya juga ingin sekali dengan penoh chita2 dan harapan akan menziarahi Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kerana mengambil barkat sa-bagaimana yang di-sabdakan oleh Rasul Allah s.a.w. bahawa Sultan ia-lah bayangan keadil Allah di-muka bumi ini ia-Sultan yang 'adil, yang bijaksana dan takwa kapada Allah lagi lim-pah kemurahan-nya, ia-itu Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin yang ber-pegang pada jalan Ugama Nabi Al-Mustapha Muhammad s.a.w. —sa-moga Allah kekalkan Baginda di-dalam sehat wal-afiat, aman, sejahtera bagi pemerintahan-nya, negara-nya dan ra'ayat Baginda sa-lama2-nya amin ya rabbil alamin", kata beliau.


Selanjutnya Maulana Al-Haj Mohamed Meenan Ansari mene-gaskan ia-itu Junjongan kita Nabi Muhammad telah bersabda bahawa sa-orang Islam atau sa-orang mo'min itu terhadap sa-orang mo'min yang lainnya sama-lah seperti satu bangunan yang tiap2 bahagian bangunan itu menguatkan satu sama lain.

Maka dari penjelasan ayat2 Al-Koran dan Hadith Junjonan besar ini ternyata-lah bahawa wajib-lah umat Islam bermuafat, bergaul dan bekerjasama pada menta'ati perentah Allah, Rasul-nya dan Raja yang memerintah yang memelihara keadilan, kemurahan dan kema'amoran umat, kata-nya.




Maulana Al-Haj Mohamed Meenan Ansari (kiri) kelihatan dalam gambar ini pada masa beliau beruchap di-Radio Brunei baharu2 ini. Disa-belah beliau ia-lah Uztaz Abdul Latiff.


Y.T.U. Dato Seri Utama MacKintosh Balek Ka-U.K.



Dato MacKintosh memereksa Perbarisan Tentera.



Dato MacKintosh memereksa Perbarisan Pulis.



Dato MacKintosh berjabat tangan dengan Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali.




Dato MacKintosh berjabat tangan dengan Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil.

BANDAR BRUNEI. — Yang Terutama Dato Seri Utama A.M. MacKintosh telah kembali ke United Kingdom dengan kapal terbang pada petang 9 Desember, 1963 sa-lepas tamat perkhidmatan beliau sa-bagai Pesurohjaya Kerajaan Inggeris di-Negeri Brunei.

Beliau telah di-gantikan oleh Yang Terutama Inche E.O. Laird.

Sa-belum berpisah dari negeri ini, Yang Terutama Dato Seri Utama MacKintosh telah memereksa satu Perbarisan Kehormatan terdiri dari anggota2 Pasukan Pulis Brunei dan Pasukan Tentera Inggeris.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini sedang berjalan bersama2 Yang Terutama Dato Seri Utama A.M. MacKintosh dari Bangunan Lapangan Terbang Brunei menuju ka-kapal terbang kepunyaan Tentera Udara Di-Raja Inggeris untuk menguchapkan "Selamat Berpisah" kapada bekas Pesurohjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei.

Perjumpaan Pengakap2 Dan Pandu2 Puteri

BANDAR BRUNEI. — Pengakap2, Pandu2 Puteri dan Pengakap2 Anak2 Serigala di-Daerah Brunei telah mengadakan satu perjumpaan untuk memberikan "Selamat Berpisah" kapada Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Dato Seri Utama A.M. MacKintosh yang telah menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei.

Perjumpaan itu telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada pagi 6 Desember.

Yang Terutama Dato Seri Utama MacKintosh telah tiba di-majlis itu pada pukul 9.30 pagi hari tersebut dan terus memereksa Barisan Kehormatan Pengakap2 yang telah bersedia berbaris. Kemudian uchapan2 telah di-lafazkan oleh Pesuroh Jaya Pengakap2 Negeri Brunei, Inche P.A. Coates dan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un yang menjadi Yang Dipertua, Majlis Pengakap Negeri Brunei.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal kemudian telah menyampaikan sa-buah chenderamata bagi pehak Pergerakan Pengakap Negeri Brunei kepada Yang Terutama Dato Seri Utama MacKintosh.

Sa-lepas itu Yang Terutama Dato Seri Utama MacKintosh telah menguchapkan "Selamat Tinggal" kapada Pengakap2 di seluruh Negeri Brunei.

Beliau telah memujikan pekerjaan2 yang baik yang telah dilakukan oleh Pengakap2 di-negeri

ini dan berharap sa-moga Pergerakan Pengakap Negeri Brunei akan maju dan berbakti kapada masyarakat pada sa-tiap masa.

Yang Terutama Dato Seri Utama MacKintosh telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih kapada Pergerakan Pengakap Negeri Brunei yang telah menghadiahkan sa-buah chenderamata berupa sa-buah kotak perak yang beliau sangat menghargai, sambil menegaskan bahawa chenderamata itu akan menjadikan sa-bagai sa-buah "alat perhubungan" antara beliau dengan Pergerakan Pengakap di-Negeri Brunei pada sa-tiap masa.

Kemudian Yang Terutama Dato Seri Utama MacKintosh telah menjalankan kewajipan-nya yang terakhir sekali sa-bagai Ketua Pengakap Negeri Brunei dengan menyampaikan Surat Tauhiah Pesuroh Jaya Pengakap Daerah Brunei kapada Inche Ali Khan bin Abdul Khan.

Sa-belum berpisah beliau telah menyaksikan berbagai2 jenis pertunjukan dan permainan oleh Pengakap2, Pandu2 Puteri dan Anak2 Serigala di-padang tersebut.

SHARIKAT MINYAK SHELL HADIAH PEMBESAR SUARA KAPADA MASJID PENGKALAN BATU

KAMPONG PENGKALAN BATU. — "Budak2 lelaki dan perempuan hari ini akan menjadi pentadbir2, jentera2 dan pemimpin2 pada esok hari dan kerja2 yang demikian di-dalam dunia moden ini menghendaki perengkat pelajaran dan pimpinan yang lebih tinggi jika sa-buah negeri itu akan memilih tempatnya yang betul di-dalam hal ehwal dunia", demikian kata Wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Bandar Brunei, Inche P. A. Coates.

Beliau telah melafadzkan uchapan tersebut di-majlis menyampaikan alat2 pembesar suara yang telah di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada Masjid Kampong Pengkalan Batu.

Alat2 pembesar suara itu telah di-sampaikan oleh Inche Coates bagi pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada Ketua Kampong Pengkalan Batu, Tuan Haji Khamis bin Bongsu di-Masjid Kampong Pengkalan Batu pada pagi hari Juma'at 6 Desember.

Ketika menyampaikan alat2 pembesar suara tersebut kapada Ketua Kampong Pengkalan Batu, Inche Coates berkata bahawa beliau berasa sukachita menyampaikan alat2 pembesar suara itu bagi pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada Masjid Kampong Pengkalan Batu dan berharap bahawa alat2 pembesar suara itu akan di-gunakan oleh Masjid tersebut dan akan memberikan faedah kapada penduduk2 di-Kampong Pengkalan Batu itu pada sa-tiap masa.

Inche Coates telah berangkat dari Bandar Brunei ka-Kampong Pengkalan Batu pada pagi hari Juma'at 6 Desember dengan menaiki sa-buah perahu motor sanganut kepunyaaan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Beliau telah di-iringi oleh Penolong Wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Bandar Brunei, Inche Chua Kong Heng.

Turut berangkat ka-Kampong Pengkalan Batu bersama2 dengan Inche Coates ia-lah Kadhi Da-

rah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin dan beberapa orang lagi Pegawai2 Kerajaan Brunei.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis menyampaikan alat2 pembesar suara itu oleh Imam Masjid Kampong Pengkalan Batu, Tuan Haji Metussin bin Mohamed Arshad; Ketua Kampong Pengkalan Batu, Tuan Haji Khamis bin Bongsu; Guru Besar Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Chegu Mohiddin bin Abdul Ghafar; Guru Ugama Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Chegu Abdullah bin Othman; Wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates dan oleh Kadhi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.

Abang Razali telah beruchap bagi pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

TERIMA KASEH

Beliau telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad atas niat baik Sharikat Minyak Shell itu menghadiahkan alat2 pembesar suara bukan sahaja kapada Masjid Kampong Pengkalan Batu, bahkan kapada Masjid2 yang lain juga dalam negeri ini.

Abang Razali berharap sa-moga penduduk2 di-Kampong Pengkalan Batu akan kenangkan budi Sharikat Minyak Shell itu pada sa-tiap masa.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Abang Razali.



Gambar atas: Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsan sedang menyampaikan hadiah kapada Fatimah binti Momin sa-orang peserta pertandingan akhir bola jaring Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei. Di-belakang Fatimah ia-lah Dayangku Iring, juga sa-orang pemain Pasukan S.M.A.T. Gambar bawah: Satu pemandangan di-temasha pertandingan akhir bola jaring antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei.



Pertandingan Akhir Bola Jaring: S.M.A.T. MENGAJAHKAN S.M.S.

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sengkurong dengan 8 mata berbalas 5 mata dalam pertandingan akhir bola jaring antara murid2 perempuan Sekolah2 Melayu dari seluruh Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 29 November.

Oleh kerana hujan telah menchorah turun dengan lebat pada masa pertandingan itu hendak di-jalankan, maka pertandingan itu telah di-tanggohkan hingga ka-petang 6 Desember.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsan telah menyampaikan hadiah2 sa-lepas tamat pertandingan akhir bola jaring tersebut.

KERJA KOSONG:

Merinyu Kanan Bandaran

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sebagai Merinyu Kanan Bandaran di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait.

Kelayakan2 dan Pengalaman2

- (a) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah IV, Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris dan mempunyai sekurang2nya 7 tahun pengalaman sa-bagai Merinyu Bandaran.
- (b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei atau pun berhak di-daftarkan me-

jadi ra'ayat.

Gaji:

Dalam Tingkatan Gaji \$570x 30-750.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu salinan "Rekod Perkhidmatan" yang lengkap.

Borang2 Permohonan yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Desember.



Wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates telah menyampaikan alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak itu kapada Masjid Pengkalan Batu pada 6 Desember.

Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara tersebut.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI SEKOLAH MELAYU

SUNGAI KEBUN

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Seramai 326 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah Melayu Sungai Kebun telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh di-Jalan Lumapas—Sungai Kebun pada pagi hari Ahad 8 Desember.

Ini-lah kali yang pertama Sekolah Melayu Sungai Kebun mengadakan perlumbaan berjalan kaki itu semenjak sekolah itu dibuka pada 2 Jun tahun ini.

Perlumbaan berjalan kaki itu telah di-bahagikan kepada empat perengkat ia-itu perengkat2 A, B, C dan D.

Sa-lain dari itu, perlumbaan berjalan kaki itu telah juga dibuka kapada Pasokan2 Sekolah tersebut.

Delapan pasokan telah bertanding, ia-itu Pasokan2 Harimau, aya, Beruang, Singa, Naga, Jar, Garuda dan Gajah.

Keputusan2 Perlumbaan Berjalan Kaki tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

PERENGKAT 'A': Lelaki: Johan—Othman Ibrahim. Naib Johan—Kasim bin Mohamed Tahir. Pemenang yang ke-tiga—Ja'afar Besar. Perempuan: Johan—Hasnah Zukim. Naib Johan—Zainah Ludin. Pemenang yang ke-tiga—Sahadan Saham.

PERENGKAT 'B': Lelaki: Johan—Awangku Yusof bin Pengiran Umarali. Naib Johan—Awangku Tajuddin bin Pengiran Salleh. Pemenang yang ke-tiga—Tarif Asgar. Perempuan: Johan—Asmah Metussin. Naib Johan—Bungsu binti Munaf. Pemenang g ke-tiga—Rokiah Rashid.

PERENGKAT 'C': Lelaki: Johan—Ibrahim Ja'afar. Naib Johan—Awangku Said bin Pengiran Sabtu. Pemenang yang ke-tiga—Tuah Othman. Perempuan: Johan—Sarah Mohamed Taha. Naib Johan—Zauyah Latif. Pemenang yang ke-tiga—Dayangku Rokiah binti Pengiran Tajuddin.

PERENGKAT 'D': Lelaki: Johan—Zaini Mahmud. Naib

Johan—Ahmad Metusin. Pemenang yang ke-tiga—Awangku Chuchu bin Pengiran Jamuddin. Perempuan: Johan—Tijah Metusin. Naib Johan—Samit Laut. Pemenang yang ke-tiga—Sara Abdul Hamid.

Keputusan2 antara pasokan2 yang telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Berjalan Kaki Sekolah Melayu Sungai Kebun pada 8 Desember yang lalu adalah saperti di-bawah ini:

1. Pasokan Gajah—4985 mata.
2. Pasokan Garuda — 5271 mata.
3. Pasokan Ular — 5574 mata.
4. Pasokan Naga—5633 mata.
5. Pasokan Singa—5796 mata.
6. Pasokan Beruang—5877 mata.
7. Pasokan Buaya—6437 mata.
8. Pasokan Harimau—7673 mata.

Sa-lepas selesai di-langsangkan perlumbaan berjalan kaki tersebut satu majlis memberikan uchapan2 dan menyampaikan hadiah2 telah di-langsangkan di-kawasan Sekolah Melayu Sungai Kebun.



Gambar ini di-ambil di-temasha perlumbaan berjalan kaki anjoran Sekolah Melayu Sungai Kebun baru2 ini. Peserta yang gemok sekali dalam gambar ini ia-lah Maidin bin Metassan dari Pasokan 'D'. Umor-nya ia-lah sabelas tahun. Kalau boleh, kata-nya, ia berhajat hendak mengambil bahagian dalam Perlumbaan "Big Walk" pada tahun hadapan.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Nadhir Sekolah2 Melayu Bandar Brunei, Inche Shahbuddin bin Saleh dan Guru Besar Sekolah Melayu Sungai Kebun, "Chegu Haji Abdul Hamid.

Kemudian hadiah2 telah di-sampaikan oleh Chegu Aishah

binti Ariffin, Guru Besar, Sekolah Melayu Dato Kramat, Pulau Pinang, ia-itu isteri Inche Mohamed Noor bin Ahmad, bekas Yang Dipertua Agong, Kesatuan Persekutuan Guru2 Melayu Semenanjung dari Pulau Pinang yang telah melawat ka-Negeri Brunei baru2 ini.

PERTANDINGAN TINJU KEJOHANAN SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. Seramai 19 orang ahli2 tinju dari Bandar Brunei dan Seria telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Tinju untuk merebutkan gelaran Kejohanan Sa-Negeri Brunei, di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Pertandingan itu telah di-adakan di-Pentas Pancharagam, Bandar Brunei pada malam 7 Desember dan di-saksikan oleh kira2 saribu orang dari berbagai2 bangsa.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Haji Mohamed bin Pengiran Piut, Naib Yang Dipertua Persatuan Tinju Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah2 kapada

ahli2 tinju yang telah berjaya dalam pertandingan tinju tersebut.

Tiap2 perlawanan ia-lah sa-banyak tiga pusingan dan keputusan2-nya di-siarkan di-bawah ini:

Perlawanan 1. Bahagian "Light Weight" Perengkat Suku Akhir: Momin mengalahkan Charlie Bogosoff dan berjaya memasuki pertandingan saparoh akhir.

Perlawanan 2. Bahagian "Light Weight": Perengkat Suku Akhir: Cedric Au mengalahkan Takong Tengah.

Perlawanan 3. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Suku Akhir: Jelinggai mengalahkan Abit Ambun.

Perlawanan 4. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Suku Akhir: John Chin mengalahkan Awangku Mat Don.

Perlawanan 5. Bahagian "Bantam Weight" Perengkat Suku Akhir: Nikman Mohamed Noor mengalahkan Abdul Hamid Hassan.

KEJOHANAN

Perlawanan 6. Bahagian "Mosquito Weight" Perengkat Akhir: Sahar Al-Johari mengalahkan Awangku Yahya bin Pengiran Hashim.

Perlawanan 7. Bahagian "Light Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Walter Boyd mengalahkan Momin.

Perlawanan 8. Bahagian "Light Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Noorshah Abdulla mengalahkan Cedris Au.

Perlawanan 9. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Jelinggai mengalahkan Charlie Bogosoff.

Perlawanan 10. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Ahmad Tudin mengalahkan John Chin.

Perlawanan 11: Bahagian "Bantam Weight" Perengkat Akhir: Nikman Mohamed Noor mengalahkan Abdillah Zakia.

Perlawanan 12. Bahagian "Bantam Weight" Perengkat Akhir: Awangku Kamaluddin mengalahkan Harry Chin.

Perlawanan 13. Bahagian "Light Weight" Perengkat Akhir: Walter Boyd mengalahkan Noorshah Abdulla.

Perlawanan 14. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Akhir: Ahmad Tudin mengalahkan Jelinggai.



Satu pemandangan pertandingan tinju yang telah di-langsangkan di-Bandar Brunei pada malam 7 Desember.

PEMANTASAN DERMA ANJORAN 3PKA

BANDAR BRUNEI.—Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer (rengkasnya 3PKA) akan mempersembahkan sa-buah drama bertajok "Selingkar Kesah Di-Tasek Kaseh", bertempat di-Panggong Boon Pang Baharu di-Bandar Brunei.

Drama itu ia-lah satu hasil karya Inche Mohamed Haji Sarduddin, sa-orang penulis drama yang terkenal di-negeri ini dan akan di-persembahkan pada hari Ahad 22 Desember mulai pada pukul 2 petang.

Sa-lain dari itu, berbagai2 tarian, nyanyian, lawak jenaka dan lain2 achara akan juga di-persembahkan di-temasha tersebut.

Menurut keterangan sa-orang Juruchakap 3PKA, persatuan-

nya akan mengadakan persembahan tersebut ia-lah untuk mengutip derma bagi membantu tabung derma persatuan tersebut dan juga kerana membantu tabung derma anak2 yatim di-negeri ini.

Di-antara pelakon2 yang akan menjayakan temasha tersebut ia-lah Seniwati2 Aminah Ismail, Safariah Parman, Samaniah Sa'ad

Seniman Zaini Satar dan beberapa orang lagi dari Singapura serta pelakon2 tempatan antara-nya ia-lah Rajap Talip, A. Rahman Salim, Wahab Tengah, Salleh Damit, Dayangku Intan dan lain2-nya.

Bayaran menonton persembahan tersebut ia-lah 50 sen, \$1.00, \$1.50 dan \$2.00. Tiket2 itu boleh di-dapat dari Inche Ali Yusuf di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei; Inche Latif Haji Ibrahim di-Pejabat Tanah, Brunei dan ahli2 persatuan tersebut, atau pun di-Panggong Boon Pang Baharu pada 22 Desember.

PERSIDANGAN PELAJARAN

BANDAR BRUNEI.—Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menghantarkan tiga orang Wakil2 ka-Persidangan Pelajaran Malaysia yang pertama sa-bagai pemerhati2.

Persidangan itu akan di-adakan di-Kuala Lumpur selama lima hari mulai dari hari Khamis 19 Desember.


Wakil2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang akan menghadiri persidangan tersebut ia-lah Inche Mohamed Daud bin Serudin, Inche Mohamed bin Ja'afar dan Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad.

Beliau2 itu telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 16 Desember.

AHLI BAHARU M.M.N. BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Yang Berhormat Awang Noordi bin Abdul Latif, Pemangku Peawai Pelajaran Negara, Brunei telah mengangkat sumpah sa-bagi sa-orang ahli rasmii Majlis Mewurat Negeri Brunei pada 16 Desember.

Beliau telah mengangkat tempat Yang Berhormat Ithe Malcolm MacInnes, Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, yang jada masa ini berada di-luar negeri.



Gambar ini diambil di-Tambatan Kastam Di-Raja Brunei sa-belum anggota2 Askar Melayu Brunei balek ka-Perkhemahan Sighting di-Negeri Sembilan dalam bulan November yang lalu sa-lepas berchuti di-Tanah ayer.



Guru2 Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei telah mengadakan satu majlis jamuan di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah baharu2 ini untuk mera'ikan Inche Mohamed Noor bin Ahmad, bekas Yang Dipertua Agong Kesatuan Persekutuan Guru2 Melayu Semenanjong dan isteri-nya Chegu Aishah binti Ariffin, sa-orang Guru Besar sa-buah Sekolah Melayu di-Pulau Pinang yang telah melawat ka-Brunei baharu2 ini. Chegu Aishah (nombor dua dari kanan) kelihatan dalam gambar ini bergambar dengan sa-bilangan Guru2 perempuan yang hadir di-majlis tersebut.



Gambar ini telah diambil sa-belum dangan-sangkan perlawan akhir bola jaring murid2 perempuan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei antara Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dengan Sekolah Melayu Sengkurong. Keputusan-nya di-siarkan di-muka 6. Gambar Chegu Abdul Hamid P.H.A.B. Di-terbitkan oleh Jalan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-cetak di-The Brunei Press Limited Kuala Belait.

SEKOLAH2 BERCHUTI

BANDAR BRUNEI.—Maktab Perguruan Melayu Brunei serta Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah di-tutop kerana kelepasan2 Penggal Akhir Tahun, Bulan Puasa dan Hari Raya Aidil Fitri mulai dari hari Selasa 17 Desember.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Maktab Anthony Abell dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri pula akan di-tutop mulai dari hari Khamis 19 Desember.

Semua Maktab2 dan Sekolah2 tersebut akan dibuka sa-mula dengan serentak pada 18 February, 1964.

BELIA2 BERKHELAH DI-SUNGAI LIANG

KUALA BELAIT.—Belia2 di-Daerah Be'ait akan mengadakan satu temasha perkhemahan di-pantai Sungai Liang pada 5 January, 1964 di-bawah tajaan Pengeiola Ranchangan Belia Daerah Belait, Inche Harun Kamal bin Endot.

Satu Jawatan Kuasa telah di-bentok baharu2 ini untuk membuat persediaan2 bagi menjayakan ranchangan tersebut.

Jawatan Kuasa itu ada-lah mengandungi Inche Sulaiman sebagai Yang Dipertua, Inche Stanley James dan Puan Susanah Wong sa-bagai Naib2 Yang Dipertua, Inche Simon Chen sa-bagai Pengurus, Inche Augustine Th'ng sa-bagai Setia Usaha, Inche Tan Boon Heng sa-bagai Bendahari dan Inche Mil-B. James sa-bagai Pegawai Petangan.

KAPAL TERBANG H. K. — BRUNEI

BERAKAS.—Menurut satu pengumuman dari Sharikat Penerbangan Cathay Pacific, kapal terbangnya dari Hong Kong ka-Brunei yang telah di-jadualkan mendarat di-lapangan terbang Brunei pada hari Isnin 30 Desember, 1963 telah di-batalkan. Bagaimana pun pendaratan kapal2 terbang Sharikat Penerbangan Cathay Pacific itu dari Hong Kong ka-Brunei pada tarikh2 yang lain tidak berubah.